



KERAJAAN MALAYSIA

AKAUN AMANAH DISATUKAN

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 4
(Disemak 2012)

MAC 2013

**PIAWAIAN PERAKAUNAN
KERAJAAN**

AKAUN AMANAH DISATUKAN

PPK 4 (Disemak 2012)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 4

Akaun Amanah Disatukan

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Aras 1-8, No. 1, Persiaran Perdana,
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 W.P. Putrajaya.

Tel: 03-88821000

Faks: 03-88821042

Emel: janm@anm.gov.my

Laman sesawang: www.anm.gov.my

KANDUNGAN

| <i>Perenggan</i> | <i>Isi Kandungan</i> | <i>Muka Surat</i> |
|------------------|---------------------------------------|-------------------|
| 1 | PENGENALAN | 1 |
| 2 | TUJUAN | 1 |
| 3 | SKOP | 1 |
| 4 | LATAR BELAKANG | 1 |
| 5 | DEFINISI AKAUN AMANAH DISATUKAN | 2 |
| 6 | KLASIFIKASI AKAUN AMANAH DISATUKAN | 2 |
| 7 | DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN | 4 |
| 8 | PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN | 5 |
| 9 | TARIKH KUAT KUASA | 6 |

1. PENGENALAN

PPK 4 (Disemak 2012) Akaun Amanah Disatukan menggantikan PPK 4 (2006) selaras dengan PPK 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

2. TUJUAN

Piawaian ini bertujuan untuk menetapkan piawaian perakaunan Akaun Amanah Disatukan mengikut kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

3. SKOP

Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi mengurus Akaun Amanah Disatukan.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Piawaian Akaun Amanah Disatukan adalah satu garis panduan bagi menyeragam amalan perakaunan yang merangkumi definisi, penubuhan, klasifikasi, dasar dan kaedah perakaunan, dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan berasaskan:

- 4.1.1 Perlembagaan Persekutuan
- 4.1.2 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]
- 4.1.3 Akta berkaitan amanah
- 4.1.4 Aturan dan peraturan yang berkuat kuasa
- 4.1.5 Surat ikatan amanah, arahan amanah dan perjanjian
- 4.1.6 Arahan Perbendaharaan

- 4.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan undang-undang negeri yang berkaitan mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

5. DEFINISI AKAUN AMANAH DISATUKAN

5.1 Definisi

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua terimaan dan bayaran wang amanah diakaun mengikut kehendak akta berkaitan amanah, surat ikatan amanah, arahan amanah, undang-undang atau perjanjian bagi maksud berkaitan.

5.2 Penubuhan

Akaun Amanah Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

6. KLASIFIKASI AKAUN AMANAH DISATUKAN

- 6.1 Akaun Amanah Disatukan diklasifikasikan seperti berikut:

6.1.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan wang amanah kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ianya disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan wang amanah kerajaan terdiri daripada:

(a) **Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan wang pembangunan mengaakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]. Terimaan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, terimaan balik pinjaman dan terimaan pelbagai untuk pembangunan.

(b) **Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan**

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan mengaakaun terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada mereka yang layak seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42]. Terimaan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan kumpulan wang pembangunan, pinjaman yang diterima melalui pindahan dari akaun pinjaman, bayaran balik pinjaman perumahan dan faedah atau keuntungan yang diterima.

(c) **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pelbagai kumpulan wang amanah kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada kerajaan dan sumber-sumber lain. Kumpulan wang amanah ini ditubuhkan untuk mengaakaun terimaan, bayaran dan pelarasan yang berkaitan dengan akaun amanah yang berkenaan.

6.1.2 **Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan wang amanah awam mengaakun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan wang amanah awam terdiri daripada amanah khas yang ditubuhkan di bawah akta masing-masing dan amanah am yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah terdiri daripada pelbagai sumber kecuali caruman kerajaan.

6.1.3 **Akaun Deposit**

Akaun deposit terdiri daripada deposit am dan deposit pelarasan. Deposit am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik atau diselaras kepada akaun tertentu apabila maksud telah tercapai. Deposit pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

7. **DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN**

7.1 **Perakaunan Amanah**

Terimaan dan bayaran wang amanah diakaunkan mengikut asas tunai kecuali perbelanjaan kumpulan wang pembangunan diperakaunkan secara tunai ubahsuai.

7.2 Kuasa Membayar

Pengeluaran boleh dibuat daripada Akaun Amanah Disatukan bagi tujuan amanah masing-masing atau di bawah kuasa sesuatu undang-undang mengikut Seksyen 13(5) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], akta berkaitan amanah, surat ikatan amanah, arahan amanah, undang-undang atau perjanjian.

7.3 Kawalan Pembayaran

7.3.1 Pegawai yang mengawal sesuatu kumpulan wang amanah atau akaun amanah adalah bertanggungjawab bagi menentukan bahawa kumpulan wang amanah atau akaun amanah tidak terlebih dikeluarkan selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan (AP) 155.

7.3.2 Pegawai yang mengawal sesuatu akaun deposit mestilah berpuas hati bahawa orang yang menuntut bayaran merupakan orang yang berhak dan akaun yang dituntut terdapat dalam lejar deposit selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan (AP) 158.

7.4 Penutupan Akaun Akhir Tahun

Baki setiap kumpulan wang amanah kerajaan, kumpulan wang amanah awam dan akaun deposit pada akhir tahun kewangan akan dibawa ke akaun tahun kewangan berikutnya.

8. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Persembahan penyata kewangan tahunan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

8.1 **Penyata Kedudukan Kewangan**

Akaun Amanah Disatukan ditunjukkan sebagai satu butiran berasingan di bawah Kumpulan Wang Disatukan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Amaun tahun sebelumnya hendaklah dinyatakan sebagai angka perbandingan.

9. **TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula dengan tahun kewangan 2012.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2014
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
PNMB Tel: 03-92366888 Fax: 03-92224773